



**UCAPAN PERASMIAN  
YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTTALIB  
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA**

**SEMPENA  
SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN DI TEMPAT KERJA 2018**

Tarikh : 28 April 2018 (Sabtu) bersamaan 12 Syaaban 1439H  
Masa : 10.00 pagi  
Tempat : Dewan Arena Chenor, Maran, Pahang  
Anjuran : Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan  
Pekerjaan (NCOSH), Kementerian Sumber Manusia

**Dengan Kerjasama:**

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri  
Pahang (JKKP Pahang)  
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)  
Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara  
(NIOSH)

Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarokatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

*(Mohon Rujuk Senarai Protokol)*

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan pada pagi ini. Saya juga turut berasa gembira kerana di pagi ini, saya berkesempatan untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan semua untuk Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2018.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan di atas semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja pada kali ini. Semangat sebegini amat diharapkan daripada semua pihak agar segala tujuan dan matlamat dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerja dapat dicapai.
3. Saya juga ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia kerana berjaya menganjurkan sambutan pada hari ini. Tidak dilupakan juga kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan serta

agensi-agensi dibawah KSM yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan sambutan ini. Tahniah diucapkan.

Ybhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

*(Pengenalan OSH Day dan Tema OSH Day)*

4. Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja atau lebih sinonim dengan nama *World OSH Day*, disambut pada 28 April setiap tahun. Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja adalah bertujuan untuk mengenang kembali mangsa-mangsa yang terlibat dengan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja. Namun, sejajar dengan perubahan halatuju dan objektif yang ingin dicapai dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dapat ditingkatkan, 28 April juga disambut bagi tujuan mempromosikan budaya pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.
5. Pada tahun ini, tema sambutan adalah **(*Generation Safe and Healthy*)** atau “**Generasi Selamat dan Sihat**” sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau ILO sebagai tema sambutan. Negara kita merupakan salah satu anggota di dalam Pertubuhan ini, tidak pernah melepaskan peluang untuk bersama - sama meraikan sambutan tersebut semenjak tahun 2006 lagi. Ini merupakan usaha berterusan dan komitmen Kerajaan sejajar dengan *Promotional Framework for Occupational safety and Health Convention 2006 (No.187)* yang telah ditandatangani bagi

memastikan pekerja-pekerja di Negara ini dilindungi sebaiknya, sepanjang mereka menjalankan tugas seharian di tempat kerja.

6. Saya juga dimaklumkan oleh Ir. Hj Omar sebentar tadi bahawa, program Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja ini bukan sahaja disambut di Chenor tetapi pada tahun ini ianya disambut di seluruh premis dan tempat kerja di Negara kita pada hari ini dan ada yang menganjurkan dalam minggu ini dengan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Persatuan Pengamal KKP, NGO dan Majikan. Ini bermakna mesej mengenai isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) ini dapat disampaikan secara langsung kepada para majikan dan pekerja di Negara kita. SYABAS DAN TAHNIAH atas usaha ini.

Ybhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

*(Pendedahan KKP kepada Pekerja Muda)*

7. Berbalik semula kepada tema pada tahun ini, ianya adalah untuk mewujudkan dan membentuk **Generasi Selamat dan Sihat** atau **(Generation Safe and Healthy)** dan ini sebenarnya selari dengan usaha Kerajaan dimana yang kita sedia maklum mensasarkan meningkatkan jumlah pekerja mahir di Negara kita kepada 35% pada tahun 2020. Maka, untuk menyokong usaha ini, para pekerja muda iaitu pekerja yang berumur antara 16 tahun hingga 25 tahun ini haruslah didedahkan dengan aktiviti dan program berkaitan KKP bagi memupuk dan menerapkan budaya bekerja dengan selamat dan sihat. Ibarat kata pepatah "*melentur buluh biarlah dari rebungnya*". Ini

kerana banyak faktor boleh meningkatkan kelemahan pekerja muda terhadap risiko KKP, seperti perkembangan fizikal dan psikologi mereka, kurangnya pengalaman kerja dan kurang latihan. Selain itu, kurangnya aspek kesedaran terhadap penganalisaan bahaya dan risiko (risk assessment) yang berkaitan dengan pekerjaan boleh menyebabkan mereka mudah menerima tugas yang berbahaya yang diarahkan.

8. Sehubungan dengan itu, selaras dengan tema World OSH Day 2018 Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui peranan yang dimainkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah merangka strategi yang dikenali sebagai Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 (OSHMP 2020) yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 1 Mei 2016. OSHMP 2020 merupakan agenda negara yang dapat menyumbangkan kepada pengurangan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan.
9. Justeru, pihak JKKP telah dan akan menjalankan inisiatif dan program di bawah OSHMP 2020 seperti OSH4U iaitu program kesedaran dan pendedahan KKP kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi dan juga OSH@TVET untuk pelajar kemahiran agar mereka ini dapat pendedahan awal selain menambah nilai (*added value*) dalam diri mereka sendiri apabila menjadi seorang pekerja yang berkemahiran. Ini bertepatan dengan fokus kerajaan dalam menyediakan modal insan berkemahiran yang diperlukan industri selari dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai

negara maju tahun 2020 dan selari dengan tema Hari Pekerja tahun 2018 iaitu **Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara**. Mereka ini akan membentuk generasi yang selamat dan sihat yang akan meneraju kecemerlangan negara pada tahun 2050. (Pelan Transformasi 2050-TN50).

Ybhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

*(Kemalangan di tempat kerja)*

10. Kejadian kemalangan akan berlaku jika para majikan dan pekerja tidak mengambil berat tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerjanya. Untuk makluman, dalam menentukan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, kita perlu tahu ukuran yang digunakan secara global dalam penetapan tahap KKP dalam Negara ini dan ianya adalah berdasarkan kepada kadar kemalangan di tempat kerja dan juga kadar kemalangan maut di tempat kerja. Oleh itu, pada 2016 kadar kemalangan adalah **2.88 per 1,000** pekerja dan menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak **2.5** peratus berbanding tahun 2015, yang mana kadar kemalangan di tempat kerja adalah **2.81 per 1,000** pekerja. Manakala kadar kemalangan maut pada tahun 2016 adalah sebanyak **4.84 per 100,000** orang pekerja dan kadar ini sama pada tahun sebelumnya.
11. Walaupun kadar kemalangan di tempat kerja menunjukkan sedikit peningkatan, tetapi kita tidak boleh merumuskan bahawa tahap

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Negara ini merosot. Ini kerana terdapat pelbagai factor yang berkemungkinan meyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan ini seperti:

- a) pertambahan jumlah pelaporan kemalangan daripada **38,753 pada tahun 2015** kepada **41,005 pada tahun 2016**,
  - b) pertambahan jumlah pekerja daripada **13.8 juta pada 2015** kepada **14.2 juta pada tahun 2016** dan
  - c) perubahan risiko bahaya pekerjaan.
12. Justeru, bagi menangani isu ini, pihak kerajaan melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sentiasa berusaha dan meningkatkan penguatkuasaan yang berkesan bagi memastikan semua tempat kerja berada di dalam keadaan selamat. Pada tahun **2017** sahaja, pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak lebih kurang **269,877 pemeriksaan** ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak **23,006 notis** telah dikeluarkan, **1,028 kesalahan** dikenakan kompaun dan sebanyak **324 kes** pendakwaan di mahkamah telah difailkan atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
13. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan amat komited dan prihatin dalam memastikan setiap kehendak perundangan yang telah ditetapkan adalah dipatuhi sepenuhnya oleh setiap pihak yang terlibat. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) tidak

boleh dipertikaikan lagi keperluannya dalam pelaksanaan setiap aktiviti pekerjaan oleh para majikan daripada pelbagai sektor di Negara ini. Persekitaran tempat kerja yang kondusif perlulah disediakan agar pekerja dapat menjalankan tugas dengan selesa, selamat dan sihat selain menjamin orang awam yang berada berhampiran dengan tempat kerja berkenaan dapat hidup dengan selamat, aman dan sejahtera dan tidak terkena kesan negatif dari aktiviti pekerjaan tersebut.

Ybhg Dato'/Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

*(Harapan dan Saranan)*

14. Amalan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja perlu diterapkan dan diamalkan oleh semua pihak sama ada majikan mahupun pekerja bagi memastikan dan mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan dari berterusan berlaku di negara kita. Jadi di kesempatan ini saya ingin menyeru dan berharap agar majikan dan tuan/puan yang berada di sini dapat mengadakan program-program berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja masing-masing sebagai salah satu aktiviti tahunan organisasi agar semangat bekerja secara berpasukan dapat disemai serta dipupuk di kalangan pekerja dalam menjamin keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ini seterusnya dapat mencapai sasaran pengurangan kadar kemalangan di tempat kerja kepada **2.64/1,000** orang pekerja dan kadar kemalangan maut kepada **4.56/100,000** orang pekerja pada tahun 2018 ini.



15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan bagi menjayakan penganjuran sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2018 pada tahun ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada semua peserta yang hadir di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan sambutan hari ini.
16. Saya juga amat percaya dengan kombinasi di antara majikan yang prihatin, pekerja yang berkualiti dan produktif, sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif serta keadaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi akan mencapai tahap dan standard yang dikehendaki.
17. Saya dengan ini merasmikan **Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2018.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamu Alaikum Warohmatullahi Wabarokatuh.

Terima kasih.